

# Orang dalam bocor rahsia

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan ada 'orang dalam' di jabatan kerajaan membocorkan rahsia rasmi dan membekal dokumen sulit kepada parti pembangkang dengan tujuan memburuk-burukkan kerajaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengenakan tindakan mengikut Akta Rahsia Rasmi 1986 (OSA) terhadap 'orang dalam' itu dan mereka yang memiliki dokumen sulit kerajaan.

Dr Mahathir berkata, jika ada bukti mereka yang memiliki dokumen sulit itu, termasuk Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, akan dikenakan tindakan mengikut OSA.

Beliau berkata demikian berikutan pendedahan beberapa isu membabitkan menteri dan pegawai kanan kerajaan oleh DAP sejak kebelakangan ini. Dalam beberapa isu yang dikemukakan, DAP mendakwa memiliki dokumen yang membuktikan tuduhan mereka.

"Mungkin ada orang dalam (membocorkan rahsia kerajaan) tetapi kita sukar mendapatkan bukti mengenai perkara ini. Saya dukacita kerana mereka (pegawai kerajaan) sampaikan maklumat ini kepada parti lawan.

"Mereka hanya berminat hendak mempolitikkan isu ini dan memburukkan kerajaan. Jika mereka kemuka-

kan bukti yang ada melalui saluran biasa, bukan bermakna kerajaan tidak akan ambil tindakan, kita akan bertindak jika ada aduan dan bukti," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melepaskan peserta Petronas Rally of Malaysia di sini, semalam.

Menurutnya, kerajaan juga bertindak jika parti pembangkang yang mengemukakan aduan mengenai sebarang penyelewengan.

"Misalnya mengenai pita video D P Vijandran dan isu Volvo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kita mengikut proses penyiasatan biasa (apabila ada aduan), kerana kita tak mahu orang dituduh begitu saja, mungkin

dia tidak bersalah. Tuduhan seperti itu akan mencemarkan namanya, sebaliknya kalau tuduhan itu berasas, kita perlu bersihkan keadaan itu," katanya.

Mengenai isu Volvo DBKL yang belum selesai, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu campur tangan kerana ia masih disiasat.

"Saya tidak mahu campur tangan pada waktu ini kerana masih dalam siasatan dan tidak mahu nama saya digunakan untuk tujuan yang bercanggah dengan proses undang-undang," katanya.

Sejak tahun lalu, DAP mengemukakan empat isu membabitkan menteri, tokoh korporat dan pegawai kanan kerajaan, bermula dengan

tuduhan terhadap Pengerusi Petronas, Tan Sri Basir Ismail.

Mei lalu pula, DAP menimbulkan isu 10 juta unit saham Telekom Malaysia Bhd yang diberikan kepada Maika Holdings dan tiga syarikat kepentingan India.

Sekali lagi Ahli Parlimen DAP membawa kepada Dewan Rakyat penyelewengan yang didakwa dilakukan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, lengkap dengan dokumen yang menyokong dakwaan mereka.

Julai lalu, DAP melalui Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh, membuka semula isu pita lucah yang dikatakan membabitkan bekas Timbalan Dipertua Dewan Rakyat, D P Vijandran.